

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

## 'Berhati-hati inflasi teras kekal tinggi'



Inflasi yang tinggi menjejaskan kuasa beli rakyat dan susutkan simpanan. (Foto: Hiasan)

# 'Berhati-hati inflasi teras kekal tinggi'

### Gabenor BNM perjas keadaan jejas ekonomi, sukarkan hidup rakyat

Kuala Lumpur: Malaysia harus berhati-hati terhadap inflasi memandangkan inflasi teras masih tinggi, malah lebih tinggi daripada biasa, kata Gabenor Bank Negara (BNB), Datuk Abdul Rasheed Ghaffour.

Beliau berkata, inflasi yang tinggi boleh menyukarkan kehidupan rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah dan ia boleh menjejaskan ekonomi.

"Inflasi yang tinggi menjejaskan kuasa beli, bermakna apa yang anda boleh beli dengan RM100 sekarang, nilainya mungkin akan lebih rendah pada masa depan," katanya kepada BERNAMA pada wawancara eksklusif pertamanya dengan media sejak dilantik Gabenor BNM pada 1 Julai lalu.

Inflasi teras mengukur perubahan dalam harga semua barangan dan perkhidmatan, tidak termasuk barangan makanan segar serta harga barangan dan tenaga yang dikawal kerajaan.

Abdul Rasheed berkata, inflasi yang tinggi turut menggunakan dana dalam simpanan.

"Selain itu, kenaikan harga yang tidak terkawal menyukarkan perniagaan untuk merancang dan melabur. Ini menjejaskan potensi pertumbuhan dan prospek negara, ia adalah sesuatu yang kita mahu elakkan," katanya.

Pada Khamis lalu, bank pusat itu berkata, kedua-dua inflasi keseluruhan dan inflasi teras diunjurkan menurun pada sepa-

ruh kedua 2023. Bagaimanapun, BNM berkata, walaupun inflasi teras sudah menyederhana, ia kekal tinggi berbanding purata jangka panjang dalam persekitaran faktor permintaan dan kos yang berpanjangan.

Pada sidang media pada Mei lalu untuk mengumumkan prestasi suku pertama Malaysia, BNM menjangkakan inflasi keseluruhan dan teras akan kekal lebih tinggi pada 2023 daripada paras prapandemik dengan purata antara 2.8 peratus hingga 3.8 peratus untuk sepanjang tahun berkenaan.

Abdul Rasheed berkata, kejatuhan nilai ringgit baru-baru ini tidak memberikan gambaran tepat mengenai asas ekonomi Malaysia.

Katanya, ekonomi Malaysia sangat berdaya tahan sepanjang tempoh pandemik.

"Ringgit dinilai rendah dan ia seharusnya meningkat bagi mencerminkan asas ekonomi negara," katanya.

Pada jam 6 petang Jumaat lalu, ringgit ditutup pada 4.6635/6675 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) lurun berbanding 4.6580/6630 ketika ditutup pada Khamis.

#### Pengaruh sentimen luar

Abdul Rasheed berkata, dagangan mata wang itu baru-baru ini didorong oleh perkembangan dan sentimen luaran dengan pergerakan dolar AS dan prestasi ekonomi China yang lebih lemah, terus menjejaskan ringgit.

Selain itu, kenaikan secara beransur-ansur Kadar Dasar Semalaman (OPR) di Malaysia berbanding rakan utama dan serantau menjadikan kadar faedah dasar negara antara yang terendah di rantau ini.

Beliau berkata, BNM komited memastikan keadaan pasaran teratur dan akan campur tangan untuk mencegah turun naik ringgit yang berlebihan.

"Malaysia adalah ekonomi kecil dan terbuka dan apa yang berlaku di dunia memberi kesan kepada negara, tetapi selama beberapa dekad, ekonomi kita berubah, dipelbagaikan dari segi struktur ekonomi dan rakan dagang.

"Ini bermakna kita tidak terlalu bergantung kepada satu produk eksport saja atau rakan dagang tertentu," katanya.

Mengenai daya tahan ekonomi Malaysia, beliau berkata, pertumbuhan 5.8 peratus pada suku pertama 2023 antara tertinggi di rantau ini dan Malaysia terus mencatatkan lebihan akaun semasa.

Imbangan akaun semasa Malaysia rekod lebihan RM4.3 bilion atau satu peratus daripada Kluhan Dalam Negara Kasar (KDNGK) suku pertama 2023.

"Melangkah ke hadapan, limpahan positif daripada pembukaan semula China dan prospek pertumbuhan ekonomi domestik yang sihat memberikan sokongan kepada ringgit," katanya.

Abdul Rasheed berkata, keputusan Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) BNM baru-baru ini untuk mengekalkan OPR pada tiga peratus adalah konsisten dengan mandat BNM untuk mengekalkan kestabilan harga bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan di negara ini.

Beliau berkata, berdasarkan data dibentangkan kepada MPC, ekonomi berkembang stabil dan permintaan domestik kekal berdaya tahan, ia amat penting memandangkan permintaan luaran lebih perlahan. BERNAMA



Abdul Rasheed